



# LEMBAGA JURUKUR TANAH MALAYSIA

(LAND SURVEYORS BOARD)

[ Ditubuhkan di bawah Akta Juruukur Tanah Berlesen 1958 ( Akta 458 ) ]

RUJUKAN TUAN:

RUJUKAN KAMI:

**LJT 1C Pt 25 /(72)**

(SILA NYATAKAN RUJUKAN SURAT KAMI APABILA BERHUBUNG)

ARAS 5 - 7, WISMA LJT  
LORONG PERAK

PUSAT BANDAR MELAWATI  
53100 KUALA LUMPUR

No. Telefon: 03-41085191

No. Faksimili: 03-41085178

e-mail: [secretary@ljt.org.my](mailto:secretary@ljt.org.my)

laman web: [www.ljt.org.my](http://www.ljt.org.my)

26 Julai 2021

16 Zulhijjah 1442 H

## Semua Juruukur Tanah Berlesen

YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

### PAKEJ SUBSIDI KHAS PEMULIHAN EKONOMI JTB 2021 – COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sepertimana sedia maklum, Lembaga Jurukur Tanah Malaysia (LJT) melalui surat bil. LJT 1C Pt 23 /(69) bertarikh 4 Februari 2021 telah mengumumkan Pakej Subsidi Khas Permai JTB 2021 – COVID-19 (PSKPJTB 2021–COVID-19) bagi mengurangkan beban operasi firma JTB yang terkesan akibat penularan pandemik COVID-19 serta penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan 2.0 (PKP 2.0) oleh Kerajaan. Pelaksanaan PSKPJTB 2021–COVID-19 ini telah memberi manfaat kepada semua Juruukur Tanah Berlesen (JTB) dan kakitangan masing-masing.

3. Mengambil kira situasi semasa di mana terdapatnya peningkatan tinggi jangkitan COVID-19, terutamanya dengan kemunculan varian baharu COVID-19 yang lebih ganas maka Kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 (PKP 3.0) pada 12 Mei 2021. Pelaksanaan PKP 3.0 telah menyebabkan banyak individu, perniagaan dan syarikat termasuk firma JTB yang terjejas kerana tidak dibenarkan beroperasi disebabkan sektor mereka tidak dikategorikan sebagai perkhidmatan perlu (*essential*).

4. Oleh yang demikian, LJT telah membincangkan perkara ini dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Kewangan, Akaun dan Harta Bilangan 1-2021 pada 23 Julai 2021. Mesyuarat tersebut telah meluluskan pemberian subsidi kepada JTB dan

kakitangan firma JTB yang dikenali sebagai Pakej Subsidi Khas Pemulihan Ekonomi JTB 2021– COVID-19 (PSKPEJTB 2021– COVID-19). Pemberian subsidi di bawah PSKPEJTB 2021–COVID-19 adalah bagi membantu kelangsungan pengoperasian firma JTB dalam menghadapi fasa pertama dan kedua Pelan Pemulihan Negara (PPN) yang dilancarkan oleh Kerajaan pada 15 Jun 2021.

5. Dalam menentukan jumlah bantuan yang akan diberikan, LJT telah mengambilkira kemampuan kedudukan kewangan semasa dan sentiasa menitikberatkan peraturan kewangan serta pengurusan perbelanjaan yang berhemah lagi terkawal berdasarkan peruntukan yang diluluskan. Berikut adalah perincian subsidi di bawah PSKPEJTB 2021–COVID-19;

| BIL. | KATEGORI SUBSIDI   | Kadar    |
|------|--|----------|
| i    | <p><b>(a) Subsidi Langsung Kewangan JTB (SLKJTB)</b></p> <p><i>(Bayaran sebanyak RM 2,000.00 untuk 3 bulan bagi setiap JTB).</i></p>   | RM 6,000 |
|      | <p><b>(b) Subsidi Upah Kakitangan Firma JTB (SUKFJTB)</b></p> <p><i>(Bayaran one-off sebanyak RM 1000 kepada firma JTB berdasarkan bilangan kakitangan firma JTB yang berdaftar dengan LJT dan kakitangan yang mencarum KWSP sahaja)</i></p> | RM 1,000 |
| ii.  | <p><b>Bantuan Khas Kakitangan Firma JTB (BKKFJTB)</b></p> <p><i>(Bayaran sebanyak RM 200 untuk 3 bulan kepada setiap kakitangan firma JTB yang berdaftar dengan LJT dan mencarum KWSP sahaja)</i></p>  | RM 600   |

6. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan, bayaran subsidi di bawah **kategori i (a) dan (b)** sepertimana **para 5** di atas akan dibayar terus ke akaun firma JTB berdasarkan rekod di dalam sistem e-LJT manakala bagi **kategori ii** akan di bayar terus kepada akaun peribadi kakitangan JTB. Subsidi di bawah **kategori ii** ini merupakan inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) LJT kepada

kakitangan firma JTB yang berdaftar dengan LJT sahaja. Inisiatif ini adalah sebagai sumbangan LJT dalam mengurangkan beban yang ditanggung oleh mereka dalam menghadapi situasi sukar pada ketika ini.

7. Selaras dengan itu, YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan dikehendaki mengemukakan kepada LJT satu (1) salinan Penyata KWSP terkini kakitangan yang disahkan oleh KWSP sebagai dokumen sokongan bagi bayaran subsidi serta nombor akaun bank bagi kakitangan yang layak menerima BKKFJTB. Penghantaran dokumen tersebut boleh juga dibuat melalui email [nazimah.ib@ljt.org.my](mailto:nazimah.ib@ljt.org.my)

8. Sukacita dimaklumkan bahawa subsidi ini akan dibayar bermula pada bulan **Julai 2021**. Tarikh akhir permohonan subsidi ini adalah pada **30 September 2021**. Tuntutan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan. Bayaran hanya akan dibuat sekiranya dokumen yang diterima LJT adalah sah dan teratur.


Sekian, terima kasih.

**“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”**

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**‘BERKHIDMAT UNTUK NEGARA’**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK S. ISMAIL BIN HARUN)**

Setiausaha dan Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

S.k. YBhg. Dato Pengerusi  
Lembaga Jurukur Tanah  
Malaysia

Presiden  
PEJUTA